

MB Pahang dianugerah ijazah kehormat UMP

Metro (Sebenyap) Sabtu 11/10/1998

KUANTAN: Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob bakal dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) sempena Majlis Konvokesyen Ke-5 Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini, hari ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata anugerah berkenaan diberikan sebagai

menghargai sumbangan Adnan terhadap perkembangan teknologi di Pahang sejak memegang jawatan Menteri Besar pada 1999.

“Pada masa sama, beliau turut memperkukuhkan kualiti hidup penduduk dan menambah pelaburan swasta di negeri ini,” katanya.

Baru-baru ini, Adnan dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dalam bidang

Pentadbiran Pendidikan dari Universiti Yarmouk, Jordan.

Dr Daing Nasir juga berkata, seramai 1,030 graduan UMP turut menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis konvokesyen yang akan disempurnakan Canselor UMP, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah di Dewan Kompleks Sukan UMP.